



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

03 Ramadhan 1441 / 27 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 03 Ramadhan 1441H bersamaan 27 April 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, **satu kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 124 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **13 orang.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **114 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,452 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 168 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 13,149 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **tidak ada kes** telah disahkan positif semula pada hari ini. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini kekal seramai 21 orang di mana **8 orang masih** menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Di kesempatan ini, sempena **Minggu Imunisasi Sedunia 2020** pada 24 sehingga 30 April ini, Kementerian Kesihatan ingin menekankan mengenai kepentingan immunisasi dalam melindungi masyarakat daripada penyakit-penyakit yang dapat dicegah dengan menggunakan vaksin. Dengan tema #VaksinBerkesan untuk Semua

(#VaccinesWork for All) pada tahun ini, sambutan Minggu Imunisasi Sedunia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan imunisasi sebagai salah satu langkah bagi melindungi orang ramai di semua peringkat umur (yang merangkumi kanak-kanak, remaja, orang dewasa dan warga emas) terhadap penyakit-penyakit yang dapat dicegah oleh vaksin seperti influenza, measles, mumps, rubella dan sebagainya. Sehubungan dengan ini, meskipun negara kita Brunei Darussalam dilanda wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan terus menyediakan perkhidmatan immunisasi di pusat-pusat kesihatan di seluruh negara dan menjalankan vaksinasi khususnya kepada anak-anak damit dan golongan warga emas. Para Ibu Bapa dan penjaga adalah disarankan untuk memastikan anak damit mereka mendapat vaksinasi terkini seperti yang dijadualkan. Dengan kerjasama kesemua pihak, InshaaAllah Negara Brunei Darussalam akan dapat mengekalkan kadar liputan immunisasi yang tinggi iaitu melebihi 95% yang mana akan mendorong kepada pencapaian Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 ke arah kualiti kehidupan yang tinggi.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga kita semua dirahmati
di bulan Ramadhan yang mulia ini.**

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 03 Ramadhan 1441H / 27 April 2020